Sistem Ekonomi…

memperbuat yang demikian itu maka mereka itu orang-orang merugi." [*Sūrah al-Munāfiqūn* 9].

Islam memberi amaran dan peringatan kepada pemilik-pemilik harta yang tamak dan loba. Islam mengharamkan riba. Mengharamkan kekayaan yang bertentangan dengan dasar bertimbang rasa dan peri kemanusiaan. Islam mengharamkan sikap membazir dalam segala hal, baik dalam soal makan minum, pakaian, tempat kediaman dan sebagainya. Malah apa yang disuruh dan digalakkan oleh Islam ialah kesederhanaan dalam membelanja dan mengurus soal-soal hidup.

Pendek kata Sosialisme Islam adalah satu sosialisme yang benar-benar bercorak keadilan, sosialisme yang penjaga hak-hak kepentingan bersama (pembahagian harta) dan (peluang berusaha). Sosialisme yang dapat memandu manusia ke arah kebaikan dan hidup. Di samping membasmi segala rupa kebendaan untuk manusia benar-benar mencapai kedudukan yang mulia dan tinggi di sisi Tuhan baik di dunia mahupun di akhirat.

Tamat

Kata-kata hikmah

Mati itu satu, tetapi sebab-sebabnya banyak: Mati dengan terhina, mati biasa dan mati dengan mulia. Oleh itu engkau pilihlah mana satu yang engkau rasa mulia.

(Inayat Khan)

sudah siap

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah II

RAHSIA TERBUKA

Harga 50 sen.

Pos 10 sen.

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah III

MENJINAKKAN

Harga 50 sen.

Pos 10 sen.

Pesan-lah kapada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.

Membetulkan kesilapan

Kepada Allah kita memohon keampunan dan kepada para pembaca kita menuntut maaf atas kesilapan ayat-ayat al-Qur'ān (*Sūrah al-Anfāl* 24-25) di dalam majalah Qalam bilangan (220) keluaran bulan lalu, di akhir muka (21). Kedua-dua ayat tersebut dan maknanya hendaklah dibaca demikian:

"*Yā ayyuha alladhīna amanū istajībū lillāhi walilrasūli idhā da'ākum limā yuḥyīkum wa'lamū anna Allāha yaḥūlu bayna al-mar'i wa qalbihi wa annahu ilayhi tuḥsharūn. Wa attaqū fitnata la tusībanna alladhīna ẓalamū minkum khāṣṣata wa'lamū anna Allāha shadīdu al-'iqāb*"

Ertinya: Wahai orang-orang beriman! Penuhilah seruan Allah dan Rasul apabila ia (Rasul) menyeru kepada sesuatu yang memberi kehidupan kepada kamu (seruan jihad untuk menentukan masa depan kamu), dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah membatasi (menguasai) di antara manusia dengan hatinya, dan peliharalah diri kamu daripada fitnah yang tidak tertentu akan menimpa orang-orang yang zalim sahaja di antara kamu, dan ketahuilah bahawa Allah amat keras seksaan-Nya."

Adab Kesopanan Islam

Di dalam siri ketiga kita menyiarkan makalah-makalah petikan dari buku cenderamata "Menara" yang diterbitkan oleh pelajar-pelajar Kolej Islam Klang, sengaja kita pilih sebuah makalah yang mengenai 'Adab Kesopanan Islam'. Sebab makalah yang bernilai ini kita pilih untuk keluaran 'Hari Raya Haji' ini, ialah setelah memandang kepada begitu pentingnya "adab kesopanan Islam" ditanamkan ke dalam jiwa generasi-generasi Muslim angkatan muda hari ini yang telah begitu jauh meninggalkan ajaran-ajaran Islam yang akan menjamin masa depan mereka menuju ke arah pembinaan hidup yang progres dan dinamik.

Ikutilah kupasan-kupasan ringkas yang dipaparkan oleh penulis makalah ini mengenai adab kesopanan Islam terhadap Allah, Rasul, ibu bapa, sahabat handai dan jiran tetangga. Semoga ada manfaatnya buat muda mudi kita yang sedang hidup di alam khayal, diayuni oleh pengaruh kebudayaan Barat yang hanya indah khabar dari rupa itu.- Pengarang.

Susunan: Muhammad Jali Latiff

Krisis-krisis Akhlak:

Dewasa ini banyak di antara kita yang sudah kurang mengamalkan akhlak yang baik, terutama yang berdasarkan "adab kesopanan Islam". Gerak laku kita lebih mengutamakan nilai kebendaan, sehingga kita lupa untuk membangun dalam diri sendiri peribadi yang luhur dan akhlak yang mulia sebagai perhiasan hidup sehari-hari. Disebabkan kelalaian tersebut mengakibatkan krisis-krisis akhlak bermaharajalela di mana-mana sahaja. Sebagai satu bangsa yang ingin maju, menjadi besar dan bertamadun, sewajarnyalah kita menitik beratkan pembentukan "budi pekerti" terutama yang berdasarkan kesopanan Islam di samping pembangunan-pembangunan yang lain.

Memang untuk memerangi krisis akhlak dan menumbuhkan adab kesopanan, adalah suatu perjuangan yang besar, kerana ia merupakan perjuangan memerangi diri sendiri. Rasulullah sendiri setelah kembali dari satu medan perjuangan yang besar, pernah menegaskan kepada sahabat-sahabatnya yang turut bertempur bersama-sama baginda dengan sabdanya:

> "Kita sudah kembali dari medan peperangan yang kecil dan akan menghadabi medan peperangan yang lebih besar."

Semua sahabat-sahabatnya yang mendengar ucapan baginda itu merasa hairan, kerana mereka baru sahaja kembali dari salah satu peperangan yang besar yang menentukan hidup atau mati. Mereka pun lantas bertanya kepada Rasulullah:

> "Wahai Rasulullah! Adakah lagi peperangan kita yang lebih besar dari peperangan yang telah kita hadapi itu? Rasulullah menjawab: 'Ya, ada! Iaitu perjuangan seseorang yang dirinya sendiri'."

Dari sini dapatlah kita kesimpulan, bahawa perjuangan terhadap diri sendiri, memperbaiki dan meninggikan budi pekerti dan adab sopan, lebih besar dari perjuangan menghadabi musuh di medan pertempuran. Lebih terasa lagi hebatnya perjuangan ini apabila kita perhatikan kerosakan budi pekerti manusia dewasa ini.

Keruntuhan Akhlak:

Bila kita perhatikan negara-negara Eropah, Amerika, Amerika Latin misalnya, kita dapati kalangan muda mudinya sudah tidak memperdulikan norma-norma adab kesopanan, tidak menghiraukan ajaran-ajaran agama, sehingga mereka sanggup melakukan perkara-perkara yang menjolok mata dengan berbogel di hadapan masyarakat ramai dan tidak menghormati orang tua. Contohnya di Kanada bahawa peratus keruntuhan akhlak di sana meningkat 21 peratus dalam masa 4 tahun. Anak-anak muda yang membuat kejahatan itu makan minum, berlebih-lebihan, saling kejar-

mengejar dalam keadaan telanjang bulat dalam taman dan melakukan perhubungan jenis dalam motokar-motokar.
Di Australia pula dari 300 orang gadis yang ditangkap, lebih 240 orang daripadanya pernah membuat perhubungan jenis sekurang-kurangnya 50 kali.

Sebelum kita mempaparkan sedikit sebanyak adab kesopanan dan budi pekerti yang baik dalam Islam, terlebih dahulu kita harus menyedari bahawa hanya jiwa kita sendirilah yang menjadi pendorong menggerakkan perbuatan baik dan menghindarkan perbuatan yang buruk. Kebaikan yang digerakkan oleh jiwa adalah kebaikan yang abadi. Inilah sari utama untuk menuju kebaikan dan sopan santun. Begitu juga kita harus mengetahui, bahawa budi pekerti adalah bentuk bangunan di dalam jiwa yang boleh menggerakkan perbuatan dan tingkah laku yang terpuji dan mulia serta menangkis segala yang cela dan hina. Ia merupakan rangkaian roh dan belahan jiwa yang melahirkan gerak-geri, dan bukan perhiasan jasmani yang sewaktu-waktunya dapat diadakan atau ditiadakan.

Budi pekerti itu ditimbulkan oleh kepercayaan dan kekuatan iman yang meyakini bahawa agama itu diturunkan Tuhan sebahagian besarnya bertujuan untuk menyucikan jiwa dan roh manusia, memerdekakan akal fikiran hingga putus segala belenggu yang mengikat kebatinan manusia .

Di sini sedaya paparkan sedikit sebanyak adab kesopanan Islam:

Adab Kesopanan Terhadap Allah:

Allah yang menjadikan kita, memberikan kita hidup di dunia ini buat mengecap nikmat, Dia yang menolong, memberi ganjaran di atas segala amalan yang baik kita lakukan, dan memberi balasan yang sepadan dengan kejahatan yang terlanjur kita membuatnya. Satu kebaikan yang kita kerjakan dengan tulus ikhlas, sepuluh kali ganda pahala yang bakal kita terima, tetapi satu kejahatan yang kita lakukan itu itu hanya satu sahaja balasan seksanya. Kelemahan kita dari segi mental dan fizikal meminta kita tunduk dan patuh terhadap kekuasaan dan kebesaran tuhan.

Sebenarnya yang menjadi pusat dari iman kepada Allah dan kesopanan terhadap-Nya ialah takwa. Takwa melahirkan rasa taat, menjauhi larangan dan mengerjakan suruhan Tuhan dan menunaikan ibadah, memperbaiki pergaulan sesama makhluk yang dijadikannya dan berniat suci serta ikhlas. Bukanlah takwa itu dimaksudkan dengan mengerjakan puasa berterus-terusan di siang hari, dan selalu sembahyang di waktu malam, tetapi yang dimaksudkan takwa itu, ialah meninggalkan segala yang diharamkan Tuhan dan menunaikan segala yang diwajibkan-Nya dengan tidak melupakan perhubungan antara sesama makhluk Tuhan.

Adab Kesopanan Terhadap Rasulullah:

Di antara makhluk yang ada perhubungan dengan kita, maka Nabi Muḥammadlah orang yang paling utama kita hormati. Ini disebabkan dengan perantaraannyalah, Allah memberi pertunjuk kepada kita. Dengan pimpinannya kita dapat membezakan yang hak dengan yang batil, yang mudarat dengan yang manfaat. Dialah yang membimbing kita kepada keselamatan di dunia dan akhirat dan mengeluarkan daripada gelap kepada cahaya kebenaran, petunjuk, anugerah dan rahmat. Junjungan kita Nabi Besar Muḥammad (S.A.W) itu bukannya hanya seorang pemimpin rohani yang mengatur hubungan pentadbiran dengan Allah, malah beliau juga adalah seorang Rasul dan pemimpin yang berjasa besar bagi kemanusiaan seluruhnya. Maka menjadi kewajipanlah kepada kita bersopan santun kepadanya, iaitu sebagai seorang pemimpin yang adil bijaksana, ataupun sebagai seorang kepala keluarga hinggalah sebagai anggota masyarkat biasa. Dengan mengikuti jejak langkahnya di segala bidang, sekurang-kurangnya kita akan menyemaikan sifat yang utama di dalam diri, iaitu budi pekerti yang luhur, penyabar, lapang dada dan pemaaf.

Adab Kesopanan Terhadap Ibu Bapa:

Menghormati dan mencintai kedua orang tua termasuk di dalam kesopanan yang terpenting dalam masyarakat, bagaimanapun kemasyhuran dan kaya rayanya, belum boleh dikatakan seseorang itu yang bersopan santun itu sebelum ialah menunjukkan baktinya kepada kedua ibu bapanya. Tuhan berfirman, antara lain maksudnya:

"Dan Kami berwasiat kepada manusia terhadap dua ibu bapanya, dia dikandung oleh ibunya dalam keadaan penuh sengsara berlipat ganda, dengan melahirkannya dan menyusukannya dan bercerai dari menyusu setelah dua tahun, hendaklah ia bersyukur kepada Aku dan kepada kedua ibu bapamu,

kepada atau[1] tempat kamu kembali. (*Sūrah al-Luqmān* ayat:14). Dan Nabi pula bersabda, antara lain tujuannya:

"Apabila seorang lelaki memandang wajah ibu bapanya dengan penuh hormat serta kasih dan mesra, maka Tuhan menuliskan baginya dari sebab memandang itu pahala ibadah yang makbul dan diterima Tuhan.

Ibulah yang membesarkan dan memelihara kita dengan kasih sayang, sehingga kita menjadi seorang yang sanggup dan tabah menghadapi kehidupan. Dikala kita sakit, ibu duduk di samping kita membelai dan melayan hingga jauh malam. Begitu juga cinta dan kasih bapa tidak kurangnya dari cinta ibu kepada kita. Bapa sanggup pergi ke laut, ke hutan, berniaga, bertani, ke pejabat, berburu, berkuli di panas yang terik dan lain-lain lagi semata-mata untuk mencari nafkah bagi kepentingan dan keperluan anaknya.

Oleh yang demikian adalah menjadi kewajiban kepada kita menghormati kedua ibu bapa dengan penuh kasih mesra. Sopan santun serta beradab tertib kepada keduanya, di samping mengurus dan merawatinya. Itu adalah sebagai tanda membalas jasa mereka dan tanda kita berterima kasih. Menghormati keduanya adalah menjadi tuntutan agama kita. Melayani dan mengurus keperluan yang mereka hajati adalah menjadi kewajiban kita. Kederhakaan terhadap mereka menyebabkan kesengsaraan, sebaliknya kepatuhan, ketaatan dan kecintaan terhadap mereka adalah mendatangkan kebahagian.

Agama Islam sangat tidak mengingini perbuatan setengah orang yang hanya mementingkan diri atau rumahtangganya sahaja, tetapi mempersia-siakan kedua ibu bapanya. Dia tidak insaf bahawa wujudnya di dunia ini adalah dengan perantaraan kedua ibu bapanya.

Adab Sopan Sesama Islam:

Berhubung dengan kesopanan sesama Islam ini, Nabi Muḥammad (S.A.W) telah bersabda yang antara lain maksudnya:

"Hak orang Islam terhadap orang Islam enam perkara. Apabila engkau bertemu dengannya ucapkanlah salam kepadanya, apabila dia memanggil hendaklah diperkenankan, apabila dia meminta nasihat hendaklah diberi nasihat, apabila dia bersin dengan memuji Allah hendaklah memohonkan pula buatnya rahmat, apabila dia sakit hendaklah ziarahi, dan apabila dia mati hedaklah hantarkan mayatnya sampai ke kubur."

Sebenarnya adab kesopanan sesama Islam yang bukanlah enam perkara sahaja, bahkan masih banyak lagi yang lainnya. Perkara-perkara tersebut diutamakan oleh Nabi kerana pentingnya di dalam pergaulan sehari-hari untuk mengukuhkan hubungan dan tali persaudaraan antara satu dengan yang lain.

Adab Kesopanan Dalam Persahabatan:

Kita hidup di tengah masyarakat bergaul dan bersahabat dengan kawan-kawan sesekolah sekerja, sekumpulan dan sepejabat. Tingkah laku teman sejawat, adab dan sopan kawan-kawan, cara hidup dan berfikir handai taulan dan bawaan serta tindakan mereka sangat mempengaruhi diri kita di dalam hidup kita sehari-hari. Sebab itu kita hendaklah berhati-hati di dalam mencari sahabat. Pilihlah yang berbudi, baik hati, sefahaman, jujur, setia, serta yang beriman dan beragama.

Untuk mengekalkan persahabatan, sewajarnyalah kita menginsafi bahawa kita bersahabat ialah dengan manusia, bukan dengan malaikat. Tentu terdapat kesalahan pada sahabat kita itu. Sebab itu kita harus sabar menderita menghadapi kesukaran-kesukaran yang ditimbulkan olehnya. Mereka harus dimaafkan ketika melakukan kelalaian dan kekhilafan, dan sebaik-baik jalan berilah teguran dengan terus-terang dan jujur supaya mereka kembali semula ke arah kebenaran. Begitu juga untuk memupuk persahabatan, kedua belah pihak hendaklah sudi berkorban untuk yang lain, bantu membantu ketika di dalam keadaan berkurangan, berkunjung dan ziarah ketika sakit dan sihat, dan berutus surat ketika berjauhan. Kalau ada kesanggupan pula, saling memberi dan menerima hadiah perlu digalakkan. Hal ini biasa dilakukan oleh Nabi Muḥammad (S.A.W) kepada sahabat dan teman-teman baginda, dan begitu juga teman-teman baginda biasa memberi hadiah kepadanya yang diterimanya dengan hati yang sangat gembira. Sebuah hadith Saiyidatina Aisyah yang diriwayatkan oleh Bukhari menyatakan antara lain maksudnya:

"Bahawa Rasulullah biasa menerima hadiah dan bingkisan, dan Rasul Allah biasa pula membalasnya."

Di samping itu kita patut menyedari maksud persahabatan bukanlah

[1] Perkataan sebenarnya adalah Aku.

kerana hendak berkumpul-kumpul, bercengkerama, berbual-bual kosong untuk berenak-enak, makan dan berpuas-puas minum. Bukan sampai bergilir-gilir membayar harga makanan di kedai kopi. Tetapi maksud persahabatan ialah untuk sama-sama memperluas tujuan hidup, memperdekat di antara satu jiwa dengan jiwa yang lain.

Adab Kesopanan Terhadap Jiran:

Jiran ialah seorang yang tinggal berdekatan dengan rumah kita, atau mereka yang duduk sebelah menyebelah dengan bilik kita. Kepada mereka ini kita dengan sewajarnyalah bersopan santun demi mencapai ketenteraman dan keharmonian dalam hidup sehari-sehari. Nabi bersabda yang maksudnya:

"Siapa yang beriman kepada Allah dan hari kiamat, hendaklah ia memuliakan jirannya."

Menurut imam Ghazali adab terhadap jiran tetangga itu boleh disimpulkan kepada beberapa bahagian iaitu:

1. Memulakan memberi salam.
2. Jangan memanjangkan perbicaraan.
3. Jangan terlampau banyak menanyakan persoalannya.
4. Menziarahi ketika sakit, mengucapkan takziah ketika ditimpa bala serta membantu meringankan kesusahannya.
5. Turut berduka dan bergembira di atas kegembiraan dan kedukaannya.
6. Sentiasa menutup keaibannya.
7. Jangan menunjukkan kegembiraan ketika mereka sedang dalam kesusahan.
8. Jangan memerhatikan sesuatu yang dibawa ke rumahnya.
9. Banyakkan maaf kepada mereka.
10. Tunjukkan kasih sayang kepada anak-anak dan keluarganya.
11. Jangan menunjukkan kepada mereka atau kepada anak-anaknya makanan yang tidak terdaya kita memberikannya kepada mereka.

Demikianlah selayang pandang dari sebahagian adab kesopanan Islam yang dapat saya paparkan. Sebenarnya adab kesopanan Islam melingkungi seluruh cabang kehidupan manusia sehari-sehari. Andainya umat Islam khususnya, dan manusia umumnya mengamalkan adab yang dibentangkan oleh Islam ini *in shā-Allāh* sedikit sebanyak akan terhindarlah manusia di hari ini dari krisis akhlak yang mengancam kehidupan mereka.

Bahan Bacaan: Falsafah Hidup (Hamka), Akhlak (Bustami) dan lain-lain.



Para jemaah hakim Pertandingan Membaca Al-Qurān Al-Karim peringkat antarabangsa yang telah dilangsungkan dua malam berturut-turut pada bulan Ramaḍān yang lalu di Stadium Merdeka Kuala Lumpur, adalah terdiri daripada para qari yang terkenal dengan Republik Arab Bersatu, Moroko, Indonesia, Thailand, Singapura dan Malaysia